

22 MAR 1996

PERDANA MENTERI POLAND DIBERI SAMBUTAN PERMAIDANI MERAH

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Poland Dr Wlodzimierz Cimoszewicz, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari, diberi sambutan permaidani merah di Medan Parlimen di sini.

Ketibaannya di Bangunan Parlimen disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Cimoszewicz kemudian memeriksa kawalan kehormat 109 pegawai dan anggota Batalion Pertama Regimen Melayu Askar Diraja selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh pancaragam tentera.

Beliau kemudian diperkenalkan kepada Menteri-menteri Kabinet dan para diplomat.

Ini merupakan lawatan pertama Dr Cimoszewicz ke Asia Tenggara selepas dilantik sebagai Perdana Menteri bulan lepas.

Beliau dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negeri Sembilan.

Dr Cimoszewicz diiringi oleh isteri, Barbara, Timbalan Menteri Kewangan Pertama Krzysztof Kallicki, Timbalan Menteri Pertahanan Nasional Pertama Audrzej Karkoszeka, Naib Menteri Hal Ewal Luar Robert Mroziewicz, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil-wakil sektor swasta.

Dr Cimoszewicz juga akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini tengah hari ini sebelum menghadiri mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara. -- BERNAMA

MGM NAK